

# Hotaka Book

## Pengimport Buku Malaysia

**A**PABILA memandangnya kali pertama, tidak menyangka beliau merupakan pemilik syarikat penerbitan dan pengedaran buku di Jepun. Wanita kecil molek dengan senyuman yang sentiasa terukir di bibirnya ini merupakan usahawan yang gigih. Suaranya yang melentur lembut apabila bercakap, tetapi tegas dan penuh berhemah ialah usahawan bernama Eriko, pemilik Syarikat Hotaka Book yang menjalankan perniagaan mengimport dan mengeksport buku di Jepun.

Penulis pertama kali berjumpa dengan beliau di Pesta Buku Antarabangsa Tokyo dan seterusnya, perjumpaan kedua penulis ialah semasa di Kuala Lumpur semasa menyertai Kuala Lumpur Trade Copyright Center (KLCCC) pada tahun 2015. Perjumpaan kami berkisar pada hal pemasaran buku di Jepun. Seterusnya kami diertatkan lagi melalui perhubungan melalui e-mel mengenai strategi penerbitan buku untuk memasuki pasaran Jepun. Beliau banyak membantu penulis bagi memahami penerbitan buku di Jepun. Kami berada dalam bidang yang sama, tetapi banyak perkara yang berbeza dan perlu difahami mengikut pasaran negara tertentu.

Memasuki pasaran Jepun memerlukan ilmu yang perlu dipelajari daripada orang yang berpengalaman, seperti Eriko seorang *sensei* yang tidak lokek berkongsi ilmu, khusus ilmu dalam penerbitan dan pemasaran. Syarikat milik Eriko, iaitu Syarikat Hotaka Book yang terletak di Kanda Jimbocho, iaitu kawasan berkumpulnya penerbit dan kedai buku di Jepun. Ulat buku dan penggemar komik atau *manga*, kawasan Jimbocho pasti merupakan tempat wajib dilawati oleh mereka.

**Fokus utama Hotaka Book adalah mengimport buku yang diperlukan oleh para sarjana di institusi pengajian tinggi di Jepun.**



Eriko, usahawan hebat yang menerajui Syarikat Hotaka Book.

Sementara itu, Syarikat Hotaka Book berada di dalam bangunan berwarna perang dan agak sukar untuk mengecam bangunan ini kerana reka bentuk bangunan di kawasan sekitar agak serupa. Selain itu, tanda nama Syarikat Hotaka Book juga agak kecil dan sukar untuk dilihat dari jauh. Perkara ini diakui sendiri oleh Eriko kerana orang Jepun juga sukar untuk mencari bangunan ini.

**Jepun amat mementingkan kepercayaan; jika tanpa perkenalan awal agak sukar untuk memasarkan buku di sana.**

Hotaka Book merupakan syarikat yang cukup berpengalaman dalam bidang pengimportan dan pengesportan buku dalam pelbagai bidang ilmu, terutama yang berkaitan dengan Asia. Namun demikian, fokus utama Hotaka Book adalah mengimport buku yang diperlukan oleh para sarjana di institusi pengajian tinggi di Jepun. Antara buku yang diimport dari luar negara termasuklah buku yang berkaitan dengan bahasa, budaya, sosiologi dan perubatan. Selain itu, Hotaka menjadi orang tengah atau ejen bagi menerbitkan buku yang bersesuaian untuk pasaran Jepun seperti ensiklopedia matematik dalam bahasa Jepun

dan bahasa Inggeris serta buku terjemahan. Eriko mempunyai hubungan yang baik dengan 85 buah negara, seperti di Asia, Timur Tengah, Eropah dan Amerika Syarikat, dan hal ini memudahkan urusan mengimport buku yang diperlukan untuk pasaran Jepun termasuk dari Malaysia.

Bermula daripada usaha ayah beliau yang menubuhkan syarikat ini, kini Hotaka Book bertapak kukuh di Jepun selama 49 tahun. Pengasas syarikat ini juga memulakan perniagaan ini berdasarkan minat yang mendalam terhadap dunia perbukuan. Ayah beliau yang sebelumnya bekerja makan gaji di sebuah syarikat swasta, akhirnya meletakkan jawatan kerana minat yang mendalam untuk membuka perniagaan sendiri dalam bidang perbukuan.

Perniagaan ini bermula dengan mengimport buku pengajian tinggi dari India yang merupakan antara negara yang aktif menerbitkan buku. Buku yang diimport dari India ialah buku yang kebanyakannya diperlukan oleh sarjana di Jepun. Bermula secara kecil-kecilan dan hanya fokus pada pengimportan buku pengajian tinggi, kemudiannya syarikat ini bergerak setapak lagi dengan menjadi penerbit buku.

Semangat dan jiwa Eriko dalam perniagaan ini sekental ayahnya memandangkan kegigihannya yang sanggup memikul amanah yang diberikan untuk mengambil alih perniagaan ini daripada ayahnya. Beliau juga berminat dengan perniagaan ini dan sudah mula mengikut ayahnya sejak tamat belajar lagi. Sebelum itu, beliau sempat bekerja di sebuah syarikat yang berkaitan eksport dan import. Berbekalkan pengalaman yang ditimba di syarikat tersebut, Eriko mampu mengurus dan meneruskan syarikat yang menjadi legasi ayahnya dengan baiknya. Usia muda tidak menjadi halangan, tetapi menjadi batu loncatan yang digunakan dengan sebaik-baiknya untuk mengambil alih dan memajukan syarikat tersebut.

Penerbit buku ilmiah seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) serta Klasika Media adalah antara penerbit yang menjadikan Syarikat Hotaka Book sebagai pengedar tunggal untuk memasarkan buku terbitan mereka di Jepun. Bukan mudah untuk memasuki pasaran Jepun jika tidak mempunyai judul yang sesuai serta tidak mempunyai kenalan



Staf Syarikat Hotaka Book sedang menjalankan tugas masing-masing.

di sana. Jepun amat mementingkan kepercayaan; jika tanpa perkenalan awal agak sukar untuk memasarkan buku di sana. Dalam hal ini, Syarikat Hotaka Book sangat membantu dan tidak lokek berkongsi ilmu dengan pendaatang baharu dalam industri perbukuan, misalnya dengan memberikan maklumat yang berkaitan dengan spesifikasi dan format yang bersesuaian dengan dunia pasaran Jepun.

Buku yang dipasarkan oleh Syarikat Hotaka Book juga mestilah mempunyai pasaran di Jepun, terutama untuk kegunaan para sarjana di sana kerana Hotaka Book merupakan syarikat swasta yang mementingkan keuntungan; pendapatan yang dijanakan adalah untuk meneruskan operasi syarikat. Jadi Hotaka Book jugaengehadkan pemilihan judul buku dan projek yang akan dipasarkan serta diurus agar tidak merugikan syarikat.

Menurut Eriko, buku mengenai bahasa Melayu sangat mendapat permintaan di Jepun kerana masyarakat Jepun sangat gemar belajar mengenai bahasa. Institusi pendidikan seperti Tokyo University of Foreign Studies (TUFS), Takushoku University dan pusat bahasa adalah antara institusi yang menawarkan program bahasa Melayu.

Antara bahan penerbitan yang diimport daripada penerbit Malaysia oleh Hotaka Book seperti majalah *Dewan Bahasa*, *Dewan Budaya*, *Dewan Masyarakat*, *Dewan Sastera*, *Jurnal Bahasa*, buku *Jom Belajar Bahasa Melayu* dan *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia*. Buku ini perlu dipasarkan di Jepun bagi memenuhi permintaan, terutama kepada golongan yang memerlukannya. Jadi dengan bantuan dan peranan yang dimainkan oleh Hotaka, buku-buku ini dapat dipasarkan dan digunakan oleh masyarakat Jepun. Rugi sekiranya bahan yang baik tidak dapat sampai kepada yang memerlukan.

Eriko mengakui bahawa tidak mudah bagi seorang wanita untuk mengurus perniagaan yang melibatkan eksport dan import buku ini. Walau bagaimanapun, dengan minat dan semangat yang mendalam terhadap bidang ini mampu membuatkan Eriko bergerak maju dan proaktif dalam perniagaan ini. Menurut salah seorang kakitangan Hotaka Book yang setia bersama-sama syarikat itu selama lima tahun, kepimpinan yang



Penulis (bertudung) menunjukkan buku yang akan dipasarkan di Jepun.

ditunjukkan oleh Eriko bagi mengurus syarikat dan menjaga kebajikan kakitangannya amat dipuji. Suasana di dalam pejabat juga amat harmoni dan hubungan antara Eriko dengan kakitangannya amat baik sekali.

Sebagai usahawan yang sentiasa berpandangan jauh, Eriko berharap agar syarikatnya ini mampu bertahan dan terus berkembang pesat untuk lebih maju lagi. Beliau juga berharap agar syarikatnya lebih dikenali pada peringkat antarabangsa dan berkembang lagi dalam dunia penerbitan buku, tidak sekadar memasarkan dan menerbitkan buku, malahan menjangkau ruang dan peluang yang lebih luas lagi. Syarikat Hotaka Book ini ternyata menjadi jambatan yang signifikan bagi memasarkan buku dari Malaysia secara meluas dalam pasaran Jepun. ●